

MINIT MESYUARAT PENUBUHAN

KUMPULAN KERJA PERPUSTAKAAN IPTS (KKPI)

Tarikh : 13 April 2012, Jumaat

Masa : 9.30 pagi – 12.30 tengahari

Tempat : Auditorium, INCEIF

KEHADIRAN

Seramai 37 Ketua Pustakawan dan wakil Ketua Pustakawan IPTS hadir seperti dilampirkan.

MINIT

1. Kata-kata aluan daripada Ketua Pegawai Akademik INCEIF.

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Syed Othman Al-Habshi memberikan ucapan selamat datang kepada semua pustakawan IPTS yang hadir ke mesyuarat dan menegaskan peri pentingnya peranan pustakawan dan perpustakaan pada masa kini dalam menghadapi cabaran informasi global. Beliau juga memberikan sokongan terhadap kerjasama dan kolaborasi antara perpustakaan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada ahli-ahli perpustakaan khususnya dan masyarakat amnya.

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Syed Othman Al-Habshi memberikan penerangan mengenai penubuhan dan peranan INCEIF kepada pustakawan IPTS yang hadir. Beliau turut menjelaskan secara ringkas program-program akademik yang ditawarkan di INCEIF.

Makluman

2. Kata-kata aluan daripada Pengerusi Sementara KKPI

Sebelum memulakan mesyuarat pemilihan ahli jawatankuasa tetap KKPI, Pengerusi Sementara, Puan Siti Salbiah Raduan menyampaikan ucapan kata-kata aluan dan penghargaan kepada pustakawan IPTS yang hadir. Pengerusi Sementara juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Chuah Chee Meng daripada Bahagian Governan IPTS, Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) dan juga kepada Encik Dahlan Samad dari Perpustakaan Negara Malaysia sebagai tanda memberikan sokongan kepada usaha penubuhan KKPI.

Makluman

Pengerusi Sementara menjelaskan objektif penubuhan IPTS adalah sebagai platform rasmi bagi mewujudkan kolaborasi antara perpustakaan-perpustakaan IPTS di Malaysia. Beliau menjelaskan perpustakaan-perpustakaan IPTS tidak diterima sebagai ahli Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN) dan banyak isu-isu dan perkara berhubung perpustakaan-perpustakaan IPTS tidak dibincangkan oleh PERPUN. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) and Bahagian Governan IPTS, MOHE akan menjadi ahli tetap di dalam KKPI. Selain selaku penasihat kepada KKPI, kedua-dua pihak ini bertanggungjawab menyampaikan isu-isu dan masalah-masalah yang dihadapi oleh perpustakaan dan pustakwan IPTS kepada pihak berwajib.

Makluman

3. Keahlian KKPI

- 3.1 Encik Hasbullah Atan, Ketua Pustakawan Albukhary International University, mengusulkan kepada mesyuarat menentukan keahlian KKPI. Usul beliau disambut oleh Encik Muhammad Arif Osman dari Kolej Islam Antarabangsa dan mesyuarat bersetuju bahawa semua perpustakaan univervisiti dan kolej swasta yang diiktiraf oleh MOHE adalah ahli KKPI dan keahlian secara automatik.
- 3.2 Mesyuarat bersetuju bahawa tiada yuran keahlian dikenakan kepada ahli KKPI.

4. Matlamat dan “Term of Reference” KKPI

- 4.1 Encik Dahlan dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mencadangkan mesyuarat menetapkan apakah matlamat dan “Term of Reference” KKPI.
- 4.2 Mesyuarat bersetuju KKPI ditubuhkan sebagai platform rasmi bagi membincangkan isu-isu berkaitan perpustakaan dan kepustakawanan IPTS. Selain itu, matlamat KKPI adalah mewujudkan kolaborasi antara perpustakaan-perpustakaan IPTS dalam menyampaikan perkhidmatan kepada ahli-ahlinya.
- 4.3 Encik Hasbullah Atan juga mencadangkan agar nama rasmi diberikan kepada kumpulan ini. Pengerusi Sementara menjelaskan, PNM telah menetapkan bahawa “Kumpulan Kerja” (atau working Group) mestilah digunapakai pada nama kumpulan ini. Mesyuarat bersetuju nama kumpulan ini “Kumpulan Kerja Perpustakaan IPTS” (Working Group for PEHI Libraries).

5. Pemilihan Ahli Jawatankuasa Induk Kumpulan Kerja Perpustakaan IPTS

5.1 Seramai 11 ahli jawatankuasa induk dipilih oleh mesyuarat:

- i. Pencalonan : Encik Hasbullah Atan
 Pencadang : Encik Azman Abdul Rahim
 Penyokong : Encik Muhammad Arif Osman

- ii. Pencalonan : Puan Thami Munisah Mohamed Yusoff
 Pencadang : Encik Hasbullah Atan
 Penyokong : Encik Azman Abdul Rahim

- iii. Pencalonan : Puan Emily Lim Suan Hoon
 Pencadang : Puan Thami Munisah Mohamed Yusoff
 Penyokong : Puan Siti Salbiah Raduan

- iv. Pencalonan : Mr Jason Andrew Polko
 Pencadang : Puan Azenita Abdullah
 Penyokong : Encik Zain Azreen

- v. Pencalonan : Puan Zuhanariah Mohd Nordin
 Pencadang : Puan Siti Salbiah Raduan
 Penyokong : Encik Azman Abdul Rahim

- vi. Pencalonan : Puan Norhana binti Mohd Taha @ Talhah
 Pencadang : Puan Azenita Abdullah
 Penyokong : Encik Azman Abdul Rahim

- vii. Pencalonan : Puan Fauziah Abdullah
 Pencadang : Puan Fatimah Abd Nasir
 Penyokong : Puan Siti Salbiah Raduan

- viii. Pencalonan : Puan Siti Salbiah Raduan
 Pencadang : Puan Thami Munisah Mohamed Yusoff
 Penyokong : Encik Hasbullah Atan

- ix. Pencalonan : Puan Lee Hui Ken
 Pencadang : Puan Siti Salbiah Raduan
 Penyokong : Encik Azman Abdul Rahim

- x. Pencalonan : Encik Azman Abdul Rahim
Pencadang : Puan Azenita Abdullah
Penyokong : Siti Hajar Abdul Rahim

- xi. Pencalonan : Encik Muhammad Arif Osman
Pencadang : Thaha Husain
Penyokong : Zaiton Husain

Encik Zain Azreen Zainoren mencadangkan cadangan ditutup dan disokong oleh Encik Taha Hussain.

5.2 Senarai AJK dilantik:

- i. Puan Siti Salbiah Raduan (INCEF) - Pengerusi
- ii. Encik Hasbullah Atan (Albukhary International University)
- iii. Puan Thami Munisah Mohamed Yusoff (Asia e-University)
- iv. Puan Emily Lim Suan Hoon (KDU University College)
- v. Mr Jason Andrew Polko (KLIUC)
- vi. Puan Zuhanariah Mohd Nordin (International Medical University)
- vii. Encik Azman Abdul Rahim (UMTECH)
- viii. Puan Norhana binti Mohd Taha @ Talhah (UNIRAZAK)
- ix. Puan Fauziah Abdullah (Monash University)
- x. Puan Lee Hui Ken (UTAR)
- xi. Encik Muhammad Arif Osman (KIA)
- xii. Wakil PNM – Penasihat/Ahli Tetap
- xiii. Wakil Bahagian Governan IPTS, MOHE – Penasihat/Ahli Tetap

5.3 Encik Hasbullah mencadangkan supaya Pengerusi memilih sendiri Setiausaha bagi memudahkan perjalanan KKPI ini. Mesyuarat memilih 11 orang ahli di atas sebagai ahli jawatankuasa induk. Majoriti ahli bersetuju dengan cadangan tersebut.

5.4 Puan Thami Munisah Mohamed Yusoff turut mengusulkan pustakawan INCEIF dilantik sebagai Pengerusi pertama kumpulan kerja berdasarkan inisiatif dan kejayaan INCEIF menganjurkan mesyuarat pertama ini. Majoriti ahli bersetuju dengan usul ini. Puan Siti Salbiah Raduan, Pengarah Pusat Pengurusan Ilmu INCEIF dilantik oleh mesyuarat sebagai Pengerusi Kumpulan Kerja Perpustakaan IPTS.

- 5.5 Mesyuarat tahunan yang dihadiri oleh semua IPTS diadakan setahun sekali. Pemilihan AJK Induk kumpulan kerja akan dibincangkan dan diputuskan dalam mesyuarat pertama AJK Induk yang baru dilantik yang akan datang.
- 5.6 Mesyuarat juga bersetuju pembahagian tugas AJK adalah berdasarkan pengkhususan kerja dan setiap AJK dilantik akan memilih kumpulan kerja kecil mereka sendiri. Kumpulan kerja khusus adalah seperti berikut:
- i. Kumpulan Kerja “Benchmarking”. Diketuai oleh Encik Hasbullah
 - ii. Kumpulan Kerja Polisi dan Standard. Diketuai oleh Puan Thami Munisah Mohamed Yusoff
 - iii. Kumpulan Kerja Kolaborasi, Perkhidmatan Baru dan Pembangunan. Diketuai oleh Encik Azman Abdul Rahim
 - iv. Kumpulan Kerja Pengkalan Data dan Konsortium. Diketuai oleh Puan Lee Hui Ken

6. Hal – Hal Lain

- 6.1 Mesyuarat menyeru skop tugas, tanggungjawab dan kuasa pustakawan IPTS dapat diberi perhatian oleh KKPI. Ahli mencadangkan KKPI dapat melakukan sesuatu untuk kebajikan pustakawan IPTS. Encik Taha Hussain memberikan pandangan bahawa secara keseluruhannya pustakawan di IPTS terpaksa melakukan tugas yang sepatutnya dilakukan oleh kumpulan sokongan pustakawan selain tugas sampingan yang lain dan terpaksa mengorbankan aspek pembangunan perpustakaan yang diterajui.

Tindakan: AJK KKPI

- 6.2 Mesyuarat mencadangkan dikeluarkan suatu garis panduan penubuhan perpustakaan kepada semua institusi-institusi pengajian tinggi dan swasta. Sehubungan dengan ini, pustakawan perlulah dilibatkan didalam perancangan penubuhan perpustakaan di IPTS.

Tindakan: AJK KKPI

- 6.3 Pustakawan yang hadir berharap dengan penubuhan KKPI, ianya menjadi forum bagi pustakawan-pustakawan IPTS berbincang dan bertukar pendapat dan pengalaman demi kebaikan bersama.

Tindakan: AJK KKPI

- 6.4 Ahli mesyuarat juga menyuarakan pendapat mereka dengan adanya kumpulan kerja ini dapat dinilai semula kesesuaian Standard

Kepustakawanan yang dikeluarkan oleh MQA dan mengambilkira pandangan dan keperluan serta kemampuan perpustakaan IPTS.

Tindakan: AJK KKPI

- 6.5 Jabatan Governance IPTS, MOHE amat mengalu-alukan sebarang cadangan memperbaiki mutu perpustakaan dan kepustakawanan IPTS dan MOHE akan bertindak menasihati pengurusan IPTS dalam melaksanakan cadangan dan panduan yang dimajukan.

Makluman

- 6.6 AJK KKPI akan bermesyuarat semula pada minggu kedua atau ketiga bulan Jun akan datang. Tarikh akan dimaklumkan.

Tindakan: Pengerusi KKPI

- 6.7 Puan Thami Munisah Mohamed Yusoff mencadangkan agar penubuhan kumpulan ini dimaklumkan kepada Persatuan Pustawan Malaysia (PPM) dan wakil dari PPM perlu dijemput menghadiri mesyuarat pada masa hadapan.

Tindakan: Pengerusi KKPI

7. Ucapan Penanguhan

Pengerusi KKPI merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan sokongan dan cadangan yang bernas.

Mesyuarat tamat pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

AZENITA ABDULLAH
Setiausaha
Mesyuarat Penubuhan KKPI

SITI SALBIAH RADUAN
Pengerusi
Mesyuarat Penubuhan KKPI